

Pilihan Kubang Pasu bukan isyarat Dr M

BH - 2 APR 2000

Oleh ZAINUDIN ISA

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan pencalonan Umno bahagian Kubang Pasu bagi tiga jawatan naib presiden, bukan senarai pilihannya atau isyarat yang perlu diikuti perwakilan pada perhimpunan agung parti, 11 Mei ini.

Presiden Umno itu berkata, pencalonan Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk jawatan berkenaan, diputuskan perwakilan bahagian itu.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak memberi sebarang arahan kepada perwakilan di bahagian yang diketuainya itu, berhubung soal pencalonan.

"Tidak, saya tidak terlibat langsung, saya berkecuali dalam pemilihan. Saya tidak bagi ara-

han atau apa-apa kerana itu mungkin dianggap sebagai arahan daripada saya.

"Saya cuma undi kertas undi saya saja. Orang lain saya tidak tengok dan saya tidak tahu," katanya selepas menyambut kepulangan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah yang mengadakan lawatan ke Iraq, di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada pencalonan tiga jawatan naib presiden oleh bahagian Kubang Pasu itu adalah senarai pilihannya atau mendapat restunya.

Umno bahagian Kubang Pasu dalam mesyuaratnya Khamis lalu, mencalonkan dua penyandang iawatan - Naib dan Muhammad, serta Muhyiddin bagi merebut jawatan naib presiden. Muhyiddin pernah memenangi

jawatan itu pada 1993, tetapi gagal mempertahankannya pada 1996.

Ketiga-tiganya menewaskan tujuh calon lain yang dicadangkan Umno bahagian Kubang Pasu, dengan Najib memperolehi 173 undi, Muhammad (171 undi) dan Muhyiddin (159 undi) melalui undian sulit.

Menjelaskan lebih lanjut, Perdana Menteri berkata, pencalonan untuk tiga jawatan naib presiden itu bukan satu petanda beliau suka atau tidak calon yang dinamakan itu.

Dr Mahathir berkata, pencalonan itu adalah pilihan perwakilan bahagiannya kerana mereka diberi kebebasan penuh untuk berbuat demikian.

"Ia bukan petanda apa (siapa) yang saya suka atau (siapa) tidak suka. Ia petanda pilihan perwakilan.

"Mereka membuat pilihan

tanpa tanya saya atau minta nasihat daripada saya. Dan, saya kalau ditanya, sayapun tidak akan bagi nasihat," katanya sambil menegaskan setiap pengundian dijalankan secara sulit.

Mengenai tindakan akhbar *The Straits Times* Singapura menyiarkan rencana memburuk-burukkan pucuk pimpinan dan politik Malaysia, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan susulan terhadap laporan itu.

"Kerana ada kebebasan akhbar di Singapura, mereka bebas untuk membuat komen terhadap negara lain," katanya.

Rencana tulisan kolumnis Chua Lee Hoong itu, antara lain mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya negara di Asia yang tidak mengalami perubahan kepemimpinan pada dekad lalu.